

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2016

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

(a) sama ada 1MDB berdaftar untuk GST, dan apakah jualan 1MDB dan berapakah GST di kumpul hasil jualan tersebut; dan

(b) berapakah jumlah GST yang dipungut daripada jualan Edra Tenaga dan satu plot tanah di Tun Razak Exchange (TRX) kepada Tabung Haji.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, sehingga ke hari ini syarikat 1MDB tidak berdaftar untuk GST memandangkan 1MDB tidak mempunyai pendapatan yang layak sebagai pembekalan bercukai (*qualify as taxable supply*, dengan izin).

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian Jual Beli Saham (*Share Sale and Purchase Agreement*, dengan izin) yang telah dimeterai dengan China General Nuclear Power Corporation (CGN) bagi penjualan 100% pemilikan 1MDB dalam aset-aset jana kuasa Edra Global Energy Bhd (Edra) adalah tidak tertakluk kepada GST.

Penjualan plot tanah TRX kepada Lembaga Tabung Haji pula merupakan tanah untuk kegunaan kediaman (*residential*, dengan izin)

sahaja dan ia tidak dikenakan GST.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN : 56

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan lokasi PUSPAKOM yang telah beroperasi, akan beroperasi dan tidak mendapat sambutan dari tahun 2011 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lokasi PUSPAKOM yang telah beroperasi sehingga Januari 2016 adalah seperti berikut:

Negeri	Pusat pemeriksaan tetap		Lokasi perkhidmatan secara lawatan berjadual - Kawasan konsesi	
	Jumlah	Lokasi	Jumlah	Lokasi
Perlis	1	Arau	-	-
Kedah	3	Alor Setar, Sungai Petani, Langkawi	-	-
Pulau Pinang	4	Mak Mandin, Perai, Teluk Kumbar, Batu Maung	-	-
Perak	5	Ipoh, Taiping, Gopeng, Teluk Intan, Manjung	2	Grik, Pangkor
Selangor	10	Padang Jawa, Banting, Taman Bukit Maluri, Bangi, Batu Caves, Glenmarie, Petaling Jaya, Sungai Besar, Shah Alam, Pandan Mewah	-	-

Kuala Lumpur	2	Cheras, Wangsa Maju	-	-
N. Sembilan	1	Seremban	1	Jempol
Melaka	1	Alor Gajah	-	-
Johor	8	Johor Bahru, Muar, Segamat, Kluang, Skudai, Batu Pahat, Pasir Gudang, Taman Daya	1	Mersing
Pahang	4	Kuantan, Raub, Temerloh, Pekan	2	Maran, Jerantut
Terengganu	1	Kuala Terengganu	2	Dungun, Besut
Kelantan	2	Kota Bharu, Pengkalan Chepa	2	Kuala Krai, Gua Musang
Sarawak	6	Kuching, Sibul, Miri, Bintulu, Sri Aman, Sarikei	8	Daro, Mukah, Lawas, Limbang, Marudi, Belaga, Kapit, Song
Sabah	7	Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Beaufort, Keningau, Kota Marudu, Lahad Datu	7	Tenom, Sipitang, Kota Belud, Kudat, Ranau, Kunak, Semporna
Labuan	1	Labuan		

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan, PUSPAKOM sedang dalam proses untuk menaiktaraf beberapa pusat pemeriksaan seperti di Skudai, Langkawi dan Labuan. Selain itu, bagi langkah jangka masa panjang, PUSPAKOM sedang merancang untuk menambah beberapa lokasi baharu pusat pemeriksaan atau perkhidmatan pemeriksaan bergerak secara lawatan bagi memenuhi keperluan setempat.

Terdapat juga sebilangan pusat pemeriksaan tetap PUSPAKOM yang beroperasi di bawah tahap penggunaan kapasiti dan tidak berorientasikan keuntungan khususnya di kawasan luar bandar besar memandangkan kurangnya populasi kenderaan di lokasi tersebut. Sebanyak 24 daripada 56 pusat pemeriksaan tetap PUSPAKOM kurang mendapat sambutan seperti pusat pemeriksaan PUSPAKOM di Arau, Langkawi, Batu Maung, Manjung, Shah Alam, Labuan, Segamat, Pekan, Sri Aman dan Lahat Datu.